

Azab disula kayu gerigi

BH-7/2/2007

Bekas tahanan Penjara Abu Ghraib cerita pengalaman disiksa tentera AS

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Mangsa bertopeng yang disiksa di penjara Abu Ghraib, Ali Shalah (gambar), terpaksa melalui pelbagai penderitaan termasuk disula dengan kayu bergerigi serta laras rifal sehingga cedera parah dan mengalami pendarahan.

Ali yang pertama kali menceritakan pengalaman pahitnya itu kepada dunia semalam berkata, sebagai tahanan, dia juga dikenakan kejutan elektrik sehingga tergigit lidah menahan kesakitan dan mulutnya berlumuran darah.

"Ketika arus elektrik mengalir ke badan, saya berasa seperti mata saya mahu tersembul keluar. Gigi saya terkancing, kaki menggeletar dan seluruh badan bergegar," katanya.

Ali menceritakan penderitaannya disiksa di penjara Abu Ghraib itu pada persidangan antarabangsa Dedahkan Jenayah Perang: Jenayahkan Perang di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Sesi itu dipengerusikan isteri bekas Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Turut hadir, Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Perdana Global Peace Organisation dan isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Ali, 45, bekas pensyarah pendidikan Islam di Institut al-Alamiya, Baghdad, Iraq, berkata dia ditempatkan

kan dalam bilik kecil berukuran 2x2 meter yang sebenarnya tandas digenangi air bercampur najis ke paras buku lali.

Beliau berkata, soalan pertama yang diajukan kepadanya ialah 'adakah kamu penganut Sunnah atau Syiah' tetapi dia menjawab 'saya orang Islam Iraq' yang tidak diterima mereka yang menahannya.

Katanya, tentera Amerika yang menahannya kemudian menuduhnya antizionis dan membangkitkan semangat rakyat menentang pencerobohan Amerika Syarikat serta tahu tempat persembunyian Osama bin Laden.

Ali yang kini penyelaras Persatuan Mangsa Seksaan di Iraq berkata, dia disiksa sebelum dipindahkan ke bahagian lain penjara Abu Ghraib yang mengandungi lima sektor dengan dengan setiap khemah memuatkan 40 hingga 50 tahanan atau setiap tahanan diberi ruang hanya 30x30cm.

"Setiap khemah hanya diberi 60 liter air sehari untuk minum, membasuh dan membersihkan luka selepas disiksa. Mereka juga memaksa semua tahanan termasuk saya berdiri berjam-jam sehari," katanya.

Beliau berkata, dia kemudian dipindahkan ke sel dan diarah berbogel tetapi enggan berbuat demikian menyebabkan pakaiannya dikoyak dan dipukul serta diikat pada tiang besi.

"Mereka membaling najis dan air kencing pada saya. Mereka mengacu pistol dan berkata akan membunuh



saya," katanya sambil menambah kesokan harinya, dia disula dan tidak diberi makan 36 jam.

Sehari selepas disula, orang yang menyoal siasatnya memainkan lagu *Rivers of Babylon* nyanyian kumpulan Boney M dengan kuat berterusan sehingga pagi menyebabkan pendengaran dan mindanya terjejas.

Ali berkata, dia dikurung dalam sel selama dua minggu tanpa pakaian, dan ketika itu seorang pengawal bertanya mengenai tangannya yang berbalut dan cedera dialaminya sebelum ditahan.

"Saya beritahu saya jalani pembedahan. Dia kemudian menarik bolutan itu menyebabkan kulit dan da-

ging tangan saya terkoyak. Saya amat sakit dan minta ubat penahan sakit tapi dia memijak tangan saya sambil berkata 'inilah penahan sakit Amerika' sambil ketawa," katanya.

Ali berkata, dia kemudian dibawa dengan kepalanya ditutup ke bilik siasatan dan sesudah penutup kepalanya dibuka, dapat melihat wayar elektrik dipasang.

Beliau berkata, selepas memberitahu tidak tahu menahu mengenai usaha menentang pencerobohan Amerika, dia dikenakan kejutan elektrik sebanyak tiga kali, hingga menyebabkannya tergigit lidah.

"Saya terbaring di lantai. Doktor mencurah air ke mulut saya dan menggunakan kakinya untuk membuka mulut saya. Dia berkata 'tiada yang serius, teruskan seksaan!'," katanya.

Bagaimanapun katanya, pengawal itu tidak meneruskan perbuatan itu sebaliknya dia dikurung sendirian selama 49 hari sebelum dipindah ke satu lagi khemah lain sebelum dikurung 45 hari lagi.

Katanya, dia dibebaskan pada awal Mac 2004 dengan ditandang keluar dari trak di sebuah lebuhraya.

Pada sesi soal jawab dengan hadirin, Ali berkata, apa yang membuatnya terus hidup ketika disiksa ialah ingatannya kepada Tuhan. "Tuhan membantu saya, sekarang saya bekerja 24 jam sebagai penyelaras Persatuan Mangsa Seksaan di Iraq," katanya.